

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PERHIMPUNAN MAJLIS KEBANGSAAN PARTI PERIKATAN DI DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR PADA 9HB DISEMBER, 1972

Saudara-saudara sekalian,

Terlebih dahulu, sukalah saya mengalu-alukan kedatangan saudara-saudara semua serta mengucapkan terima kasih kerana dapat hadir bersama-sama pada pagi ini. Terutama sekali saya ingin menyatakan setinggi penghargaan kepada Y. B. Datuk Ong Kee Hui, Ketua Parti SUPP., Y.A.B. Dr Lim Chong Eu, Ketua Parti Gerakan; dan Y.B. Datuk Sri S.P. Seenivasagam, Ketua P.P.P. yang ada bersama-sama kita dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Parti Perikatan.

Sesungguhnya saya merasa bangga dan gembira kerana inilah pertama kali kita berada dalam perhimpunan seperti ini, mewakili bahagian terbesar rakyat Malaysia sebagai satu keluarga. Bahkan buat diri saya sendiri, peristiwa hari ini amat besar ertinya kerana inilah sidang Majlis Kebangsaan atau Convention yang pertama semenjak saya mengambil alih teraju pimpinan Parti Perikatan dari Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dua tahun lalu. Oleh yang demikian, sukalah saya pada kesempatan ini mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas sokongan dan kerjasama saudara-saudara semua terutama kepada rakan-rakan baru kita dari SUPP, PPP dan Gerakan.

This is the first time we are assembled together in such an important occasion, representing a very major section of our people. The significance of our meeting today would be best understood and appreciated especially in the context of spearheading the idea of a National Front of Malaysian political parties, dedicated to goodwill and a united, multi-racial Malaysia.

Sepertimana yang kita semua maklum, gagasan coalition ini bukanlah baru bila kita mengingat bahawa konsep Perikatan yang kita dukung lahir dari pokok yang sama. Saya sungguh berterima kasih kepada pemimpin SUPP di bawah Y.B. Datuk Ong Kee Hui yang sedia berkerjasama membentuk Kerajaan Campuran

di Sarawak selepas Pilihanraya Negeri tahun 1970. Kemudian perkembangan-perkembangan di arena politik di Malaysia Barat sangatlah menggalakkan. Kita telah mendapat kerjasama daripada Kerajaan Parti Gerakan di Pulau Pinang sehingga tertubuhnya Kerajaan Campuran di Pulau Pinang. Kemudian Kerajaan Campuran ini telah berikutan pula di Negeri Perak. Saya sangat berterima kasih kepada Y.B. Dr Lim Chong Eu dan Y.B. Datuk S.P. Senni-vasagam di atas kebijaksanaan dan pandangan yang jauh (their wisdom and farsightedness) dengan mempersetujui menubuhkan kedua-dua Kerajaan Campuran itu. Kita semua sungguh bangga bahawa Coalition Government di ketiga-tiga tempat ini berjalan dengan baik dan memuaskan hati.

Saudara-saudara sekalian,

Hari ini kita berada di ambang pintu kejayaan yang lebih besar bagi menghasilkan tujuan kita mengadakan National Front dari parti-parti siasah di negara ini untuk bekerjasama bagi menubuhkan satu negara yang kuat dan bersatupadu. Dengan adanya persetujuan pada dasarnya mengadakan Kerajaan Campuran dengan Parti PAS, dengan izin Tuhan, cita-cita ini akan menjadi kenyataan dalam masa yang singkat ini.

Saudara-saudara sekalian,

Tujuan kita berhimpun pagi ini ialah untuk bertukar-tukar fikiran mengenai hal-hal yang bersangkutan dengan dasar Kerajaan dan ko-ordinasi jentera Parti supaya kita dapat mengekalkan lagi kerjasama dan persahabatan di antara satu dengan lain. Saya sukalah menyentuh terlebih dahulu tentang dasar Kerajaan kita setakat yang berhubung dengan usaha meningkatkan perkembangan ekonomi negara dan pertaliannya dengan matlamat perpaduan negara.

Pada keseluruhannya, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan hari ini adalah memuaskan meskipun ada beberapa faktor di luar dugaan kita yang melambatkan proses pelaksanaan seperti sepatutnya. Saya telah pun mengarahkan supaya Mid-Term Review Rancangan Malaysia Kedua dibuat sekarang supaya kita dapat memastikan setakat mana kita dapat memenuhi matlamat yang ditentukan dan memperkemaskan lagi jentera pelaksanaan untuk jangka waktu selanjutnya hingga tahun 1975 kelak.

Bagaimanapun, saya ingin saudara-saudara di sini bersama-sama memberikan perhatian berat dan mengawasi jentera pelaksanaan terutama di peringkat negeri dan daerah supaya kalau ada kelemahan atau kepincangan dapat diperbetulkan segera untuk mencapai matlamat yang ditentukan. Hanya dengan kejayaan matlamat ekonomi baru dapat terjamin cita-cita perpaduan negara.

Begitu juga usaha-usaha yang kita jalankan berhubung dengan national unity programme sedang berjalan dengan baik di bawah pimpinan Tun Sambanthan. Majlis Penasihat Perpaduan Negara yang bersidang baru-baru ini telah pun membentuk Jawatankuasa Khas untuk mengkaji dengan mendalam hal-hal yang bersangkutan dengan langkah membentuk keperibadian nasional atau national identity, pelajaran dan pekerjaan. Saya percaya langkah-langkah yang diambil oleh Jawatankuasa Khas ini akan mempercepat lagi tercapainya matlamat perpaduan yang dicita-cita itu.

Saya suka mengulangi di sini apa yang saya tegaskan dulu ia-itu hendaklah kita sama-sama sedar dan dengan penuh kejujuran mendorong cita-cita perpaduan kebangsaan melalui jalan kebangsaan atau national means. Hakikat ini hendaklah sama-sama didukung dan dilaksanakan dengan penuh rasa tanggungjawab dan dedikasi.

Saudara-saudara,

Mesyuarat kita akan juga membincangkan hal-hal yang bersangkutan dengan dasar luar negeri dan pelaksanaannya hari ini. Barangkali tidak perlu saya mengulang kata lagi bahawa dasar bebas dan berkecuali yang kita amalkan itu mendapat penghormatan dari semua negara termasuk kuasa-kuasa besar dunia. Hal ini lebih-lebih saya rasakan semasa lawatan saya ke Switzerland, Austria, Poland dan Soviet Union tidak lama dahulu di mana saya telah diberi sambutan yang meriah dan negara-negara itu menunjukkan kesediaan mereka menghulur tangan persahabatan dan kerjasama dengan kita. Ini adalah menggambarkan bahawa Malaysia adalah mempunyai imej yang tinggi di negara-negara dunia termasuklah negara-negara socialist yang mempunyai cara pentadbiran yang berlainan daripada kita. Perkara ini adalah menunjukkan iaitu dasar luar kita yang bebas dan berkecuali itu telah mendatangkan hasil yang memuaskan dan memberi nama yang baik kepada negara kita.

Kita sukacita dan bersyukur ke hadirat Tuhan iaitu perkembangan-perkembangan di Vietnam khususnya dan di seluruh Indo Cina adalah membawa harapan yang baik untuk memulihkan keamanan di Wilayah itu. Dengan adanya keamanan di Indo China, cita-cita kita untuk menjadikan Tenggara Asia ini kawasan bebas dan aman adalah menjadi lebih cerah dan ternyata. Begitu juga kita patut gembira dengan hubungan baik antara kita dengan negara-negara jiran serta adanya kerjasama yang lebih rapat untuk kepentingan bersama bagi masa hadapan.

Saudara-saudara,

As I have said earlier, we are now on the threshold of a new era which brings with it prospects of enduring peace and stability for the whole region of Southeast Asia of which we are part of. During the past two years, we have charted the course of the long journey which will take us and the later generations of Malaysians to ultimate goal—the new Malaysia that we fondly cherish.

For the moment, there is a lot to be done and I am sure everyone of us here today will feel as committed as I do to the task before us and will face the challenges with faith and determination. Three years after the greatest test of our life time—the May 13 Incident—we find ourselves here grouped together thinking and working in unison, for the upliftment of our people of various races, for their betterment and wellbeing. This I think is in essence the main reason which impels us to work and co-operate together. It is my hope and prayer that this co-operation and partnership will endure for all time.

Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih atas kehadiran saudara-saudara di sini, terutama yang datang dari jauh, dan dengan azam dan keyakinan kita bersama, akan terus membawa rakyat dan negara ini ke zaman yang cerah dan gemilang di masa hadapan.